



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 4 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 4 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **15,456 kes** (2,116,021 kes kumulatif, 92.6%);
- Kes baharu : **8,075 kes** (2,285,640 kes kumulatif);
- Kes import : **6 kes** (4 warganegara; 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **8,069 kes** [7,248 warganegara (89.8%); 821 bukan warganegara (10.2%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **867 kes** (807 kes COVID-19; 60 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **461 kes** (342 kes COVID-19; 119 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **5,522 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,533 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **989 kluster**.

Daripada **8,075 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini,

- **160 kes (2.0 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **7,915 kes (98.0 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kluster-kluster baharu, dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Data kematian dan data-data lain bagi situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman GitHub dan laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>.

PERKEMBANGAN SEMASA PROJEK RINTIS GELEMBUNG PELANCONGAN DOMESTIK LANGKAWI

Seperti sedia maklum, Kerajaan telah memulakan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi bermula pada 16 September 2021. Seiring dengan itu, KKM telah melaksanakan semakan ujian saringan COVID-19 dan juga ujian saringan COVID-19 (bagi pelancong yang belum menjalani ujian) sebelum mereka berlepas ke Pulau Langkawi di pintu masuk udara dan laut.

Secara kumulatif dari 16 September 2021 sehingga 4 Oktober 2021 (sehingga jam 12 tengah hari), iaitu kira-kira dua (2) minggu setelah pelaksanaan projek rintis ini, seramai **40,458** orang telah disaring di pintu masuk udara dan laut ke Pulau Langkawi. Ini melibatkan sejumlah **34,038** orang yang telah disaring di tujuh (7) pintu masuk lapangan terbang dan **6,420** orang melalui feri di Kuala Perlis dan Kuala Kedah. Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- **36,842 orang** telah menjalani ujian RTK-Ag, dan daripada jumlah ini, sebanyak **149 kes positif COVID-19** telah dikesan dan **186 individu lagi merupakan kontak rapat** kepada 149 kes tersebut. Mereka telah diasingkan dan diberi Perintah Pemerhatian dan Pengawasan (HSO);

- **641 orang** telah menjalani ujian RT-PCR sendiri sebelum bertolak ke Pulau Langkawi, dan kesemua keputusan adalah negatif; dan
- Baki **2,975 orang kanak-kanak** di bawah enam (6) tahun tidak menjalani ujian COVID-19 dan dibenarkan berlepas bersama keluarga masing-masing.

	Bilangan pengembara yang disaring	Bil. Pelancong Kanak-kanak ≤ 6 tahun (tidak dijalankan saringan)	Bilangan yang demam	Bilangan yang menjalani RT PCR	Bilangan yang menjalani RTK Ag	Bilangan COVID-19 positif	Bil. Kontak rapat	Bilangan pengembara yang dirujuk rawatan lanjut	Bilangan yang diluluskan untuk perjalanan seterusnya
PINTU MASUK UDARA									
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)	4,832	69	0	93	4,670	25	33	0	4,774
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2)	19,376	1,504	0	334	17,538	87	127	0	19,162
Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang	4,048	244	0	154	3,650	9	7	0	4,032
Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	2,953	161	0	52	2,740	17	19	0	2,917
Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Perak	851	58	0	5	788	5	0	0	846
Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Johor	1,142	122	0	0	1,020	0	0	0	1,142
Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kelantan	836	84	0	3	749	0	0	0	836
JUMLAH ORANG PMA UDARA	34,038	2,242	0	641	31,155	143	186	0	33,709
PINTU MASUK LAUT									
Jeti Kuala Perlis	5,384	627	0	0	4,757	2	0	0	5,382
Jeti Kuala Kedah	1,036	106	0	0	930	4	0	0	1,032
JUMLAH ORANG PMA LAUT	6,420	733	0	0	5,687	6	0	0	6,414
JUMLAH BESAR	40,458	2,975	0	641	36,842	149	186	0	40,123

Jadual 1 : Data Kumulatif Saringan COVID-19 Pengembara di Pintu Masuk bagi Gelembung Pelancongan Domestik Projek Rintis Langkawi sehingga 4 Oktober 2021 (sehingga jam 12 tengah hari)

JANGKITAN COVID-19 MELIBATKAN KLUSTER DI LANGKAWI

Pada **26 September 2021** yang lalu, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah telah mengesan **satu (1) kes** positif COVID-19 dalam kalangan pelancong ke Langkawi, iaitu **seorang kanak-kanak berusia tiga (3) tahun** dari Nilai, Negeri Sembilan. Kes bersama ibu dan ayahnya telah tiba di Langkawi melalui penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2). Ibu dan ayah kepada kanak-kanak berkenaan sudah menerima vaksinasi lengkap dan saringan RTK-Ag sebelum berlepas ke Langkawi juga disahkan negatif. Mereka juga bukan kes kontak rapat kepada kes positif COVID-19. Kes adalah tidak bergejala dan kesemua kontak rapat telah diberi Perintah Pemerhatian dan Pengawasan (HSO).

Pada 1 Oktober 2021 yang lalu pula, JKN Kedah telah melaporkan **Kluster Dah Teluk Nibung** di daerah Langkawi. Kluster ini dikategori sebagai **kluster tempat kerja** yang melibatkan penduduk tempatan Langkawi iaitu pekerja dan juga kontak rapat ahli keluarga. Kluster ini tidak berkaitan dengan kes pelancong kanak-kanak yang didapati positif pada 26 September 2021.

Sehingga hari ini, seramai 249 orang telah disaring dengan **59 kes adalah positif COVID-19**, 187 individu negatif, dan tiga (3) individu lagi masih menunggu keputusan.

Siasatan awal mendapati penularan jangkitan disyaki dari komuniti dan seterusnya merebak di tempat kerja akibat ketidakpatuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) di tempat kerja dan asrama penginapan. Semua kontak rapat telah dikenalpasti dan dilakukan swab serta diberi arahan HSO selama 10 hari. Sehingga kini, penularan jangkitan adalah terkawal.

Untuk makluman, kesemua kes jangkitan COVID-19 Kluster Dah Teluk Nibung sehingga ini adalah kategori 1 dan 2 sahaja dan semua pekerja telah menerima suntikan dos lengkap vaksin COVID-19.

PEMANTAUAN DAN LANGKAH KAWALAN BERTERUSAN

KKM bersama-sama dengan JKN Kedah dan PKD Langkawi akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan dan akan memastikan langkah pencegahan serta kawalan sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Seperti yang dimaklumkan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), YB Dato' Seri Nancy Shukri, lebih banyak kawasan gelembung pelancongan dijangka akan dibuka bermula bulan Oktober 2021. KKM akan terus menjalankan kerjasama dengan MOTAC dalam menjalankan penilaian risiko bagi membolehkan lebih banyak lagi tempat pelancongan dibuka dari semasa ke semasa.

KKM ingin menyeru semua rakyat Malaysia untuk bersama-sama memainkan peranan dalam usaha membawa negara keluar dari pandemik tersebut. Untuk itu, rakyat diingatkan supaya mengamalkan perkara berikut;

- Kepatuhan yang tinggi terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan;
- Memperkukuhkan tindakan kesihatan awam sendiri dalam semua keadaan. Sekiranya bergejala sama ada semasa tempoh melancong atau setelah pulang dari kawasan pelancongan, segeralah dapatkan rawatan awal atau lakukan ujian sendiri bagi membendung penularan COVID-19. Sekiranya disahkan positif, lakukan tindakan yang bertanggungjawab dengan mengasingkan diri;

Kita adalah barisan hadapan untuk melindungi keluarga dan komuniti daripada jangkitan virus COVID-19. Seperti yang disebut YB Menteri Kesihatan, **kita tidak selamat sehingga semua selamat.**

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

4 Oktober 2021 @ 7:00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 4 OKTOBER 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	PURATA KES 7 HARI*	KADAR INSIDEN **	BILANGAN KES BAHARU ()***	BILANGAN KES KUMULATIF
SARAWAK	2,118	71.89	1,189 (1)	216,765
SELANGOR	1,297	19.02	686 (1)	682,302
JOHOR	1,120	28.15	781	199,948
KELANTAN	1,052	52.65	1,020	119,270
SABAH	853	20.74	677	201,073
PERAK	796	44.90	548	105,267
PULAU PINANG	789	43.21	853	133,229
KEDAH	721	31.37	628 (1)	137,417
TERENGGANU	688	52.20	636 (1)	58,625
PAHANG	646	24.52	522	67,204
MELAKA	267	27.48	219	59,364
WP KUALA LUMPUR	225	11.69	151 (2)	186,872
NEGERI SEMBILAN	155	13.19	108	97,951
PERLIS	62	23.29	36	4,133
WP PUTRAJAYA	24	25.32	19	6,249
WP LABUAN	2	2.33	2	9,971
MALAYSIA	10,816	31.59	8,075 (6)	2,285,640

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

**Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

***Kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 8,075 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 4 Oktober 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SARAWAK	1,189	9	376	1	803
KELANTAN	1,020	41	666	-	313
PULAU PINANG	853	156	267	-	430
JOHOR	781	118	341	-	322
SELANGOR	686	18	401	1	266
SABAH	677	93	363	-	221
TERENGGANU	636	1	512	1	122
KEDAH	628	6	394	1	227
PERAK	548	111	208	-	229
PAHANG	522	162	270	-	90
MELAKA	219	5	118	-	96
WP KUALA LUMPUR	151	4	67	2	78
NEGERI SEMBILAN	108	5	56	-	47
PERLIS	36	-	6	-	30
WP PUTRAJAYA	19	-	12	-	7
WP LABUAN	2	2	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	8,075	731	4,057	6	3,281

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 3**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 4 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Kemakmuran	Tempat Kerja	Johor	Kota Tinggi	15	39
2	Jalan Tengku Petra Semerak	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, dan Bachok	19	33
3	Taman Perindustrian Tungzen	Tempat Kerja	Perak	Kinta	67	176
4	Jalan Laksamana Lumut	Tempat Kerja	Perak	Manjung	25	60
5	Industri Jalan Mak Mandin	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	124	265
6	Sungai Tabulion	Tempat Kerja	Sabah	Kinabatangan	63	63
7	Sandau Sawit	Tempat Kerja	Sabah	Kinabatangan	28	87
8	Jalan Gong Batu	Komuniti	Kelantan	Bachok dan Pasir Puteh	17	28
9	Kampung Chica	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	17
10	Kampung Dalam Rhu	Komuniti	Kelantan	Tumpat	10	46
11	Kampung Endong	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	6	6

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
12	Kampung Lubok Stol Hilir	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	5	12
13	Kampung Baru Kluang	Komuniti	Johor	Kluang	13	13
14	Jalan Lembah Permai Satu	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	19	71
15	Jalan KK 8/1 Kubang Kerian	Institusi Pendidikan Swasta Yang Berdaftar di Bawah KPM	Kelantan	Kota Bharu	9	12

**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 3 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
PERLIS	1.02
WP PUTRAJAYA	1.02
TERENGGANU	1.00
MELAKA	0.99
NEGERI SEMBILAN	0.99
PAHANG	0.98
KELANTAN	0.95
SARAWAK	0.91
PERAK	0.91
JOHOR	0.87
KEDAH	0.87
SELANGOR	0.86
SABAH	0.84
PULAU PINANG	0.84
WP KUALA LUMPUR	0.84
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.87